



PERSEPSI DAN KEFAHAMAN MASYARAKAT BUKAN ISLAM TERHADAP ISLAM HADHARI

(Perception And Understanding Of The Non-Muslim
Community On Islam Hadhari)

AMALUDIN AB. RAHMAN*
ZAID AHMAD
SARJIT SINGH DARSHAN SINGH
LEE YOK FEE
MUHAMAD NAZRI LOKMAN
NOOR ASYIKIN HARUN

Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43000 UPM Serdang,
Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Islam Hadhari merupakan satu gagasan kerajaan untuk difahami dan dihayati oleh semua golongan masyarakat. Pelbagai program dilaksanakan bagi memastikan ianya tidak disalah fahamkan dengan pelbagai persepsi. Oleh itu, kertas ini bertujuan untuk memberi gambaran tentang persepsi dan kefahaman masyarakat bukan Islam terhadap pendekatan Islam Hadhari yang dilaksanakan. Ianya juga untuk mengenal pasti sejauh mana keberkesanan dalam kaedah menyampaikan mesej kepada masyarakat bukan Islam dan mengenal pasti cabaran serta cadangan kaedah berkesan dalam menyampaikan mesej tentang Islam Hadhari kepada masyarakat bukan Islam. Bagi tujuan ini, satu kajian dijalankan dalam kawasan bandar terpilih di sekitar Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan melibatkan 800 orang responden bukan Islam. Pendekatan kuantitatif dan kualitatif digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan. Kaji selidik, perbincangan kelompok berfokus (PKB) dan temu bual individu penting (key informant interview) dijalankan. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan terdapat persepsi positif dan negatif dalam kalangan masyarakat bukan Islam terhadap pelaksanaan Islam Hadhari dan tahap kefahaman masyarakat bukan Islam amat rendah dalam memahami pendekatan Islam Hadhari. Namun didapati mereka cuba memahami 10 prinsip Islam Hadhari. Dapatan juga mengesahkan terdapat perkaitan yang signifikan antara persepsi dengan kefahaman masyarakat bukan Islam terhadap Islam Hadhari iaitu

*Corresponding Author: Amaludin Ab. Rahman, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43000 UPM Serdang, Selangor, Malaysia,
Emel: amal@uputra.upm.edu.my
Diterbitkan: 25 April 2011
Diterima: 30 Julai 2011
DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2011-0302-04>

r= 0.182, p< 0.01. Media cetak dan media elektronik didapati menjadi sumber penting responden mendapat informasi mengenai Islam Hadhari berbanding medium lain. Dapatan juga menunjukkan responden dalam pelbagai sektor pekerjaan menyatakan pelaksanaan Islam Hadhari masih belum menyeluruh dan memerlukan penjelasan terperinci.

Kata Kunci: Islam Hadhari, persepsi, kefahaman, masyarakat bukan Islam

ABSTRACT

Islam Hadhari is an idea of the government to be understood and appreciated by all communities. Various programs were implemented to ensure that it is not misused and to understand the various interpretations. This paper was carried out to obtain the true picture about the perception and understanding of the non-Muslim after implementation of Islam Hadhari for six years period. The study is also to find the extent of its effectiveness in conveying the message to non-Muslim communities and to identify the challenges and to propose an effective method in conveying the message of Islam Hadhari to non-Muslim community. For this purpose, a study conducted in selected areas around the city of Selangor and Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, involving 800 respondents from various communities. Quantitative and qualitative approaches are used to obtain relevant information. Surveys, group discussions (FGD) and interview key individuals (Key information in-depth interview) was conducted. Overall the findings show there are positive and negative perceptions among non-Muslim communities for the implementation of Islam Hadhari and the level of understanding of non-Muslim community is very low in the understanding of Islam Hadhari approach. But they try to understand the 10 principle of Islam Hadhari. The results also showed that there was a significant correlation between the perception and understanding of non-Muslim community on Islam Hadhari is $r= 0.182, p<0.01$. This means that the higher the level of understanding them, the better their perception of Islam Hadhari. Print and electronic media become the highest indicator for respondents to find the source of information about Islam Hadhari as compared to other communication medium. The results also showed respondents from various sectors or government stated implementation of Islam Hadhari is not a comprehensive and demand detailed explanation given.

Keywords: Islam Hadhari, perception, understanding, non-Muslim community

PENGENALAN

Pendekatan Islam Hadhari diperkenalkan bertujuan untuk merenung, mengambil iktibar serta hasrat untuk membawa negara Malaysia dan rakyatnya bersama-sama menghayati ketinggian ketamadunan Islam yang pernah dicapai suatu masa dahulu. Ketika itu masyarakat Malaysia memberi respons serta pendapat yang berbeza mengenai pendekatan Islam Hadhari. Wacana dan perbincangan tentang Islam Hadhari telah banyak dibahaskan khususnya di peringkat akademik.

Namun demikian, memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara berbilang kaum, maka kajian yang memberi fokus kepada persepsi dan kefahaman masyarakat bukan Islam terhadap pendekatan Islam Hadhari perlu dilaksanakan. Kajian ini perlu untuk mengenal pasti adakah masyarakat bukan Islam benar-benar dapat memahami pendekatan tersebut? Atas asas ini juga, maka satu kajian telah dilaksanakan untuk mendapat gambaran umum tentang persepsi dan kefahaman masyarakat bukan Islam terhadap Islam Hadhari. Golongan bukan Islam dipilih sebagai sampel kajian kerana mereka merupakan sebahagian besar yang menyumbang ke arah kemajuan dan kemakmuran negara. Sebagai rakyat Malaysia mereka turut sama bertanggungjawab merealisasikan misi nasional untuk menjadikan Islam Hadhari sebagai cara pembinaan modal insan. Persepsi dan kefahaman mereka juga penting dan boleh dijadikan titik tolak ke arah memperbaiki pendekatan Islam Hadhari oleh pihak kerajaan. Oleh demikian, bagi mengetahui dengan lebih jelas mengenai pendekatan Islam Hadhari pengkaji turut meneliti latar belakang dan pelaksanaan pendekatan Islam Hadhari serta prinsip-prinsipnya yang berkaitan langsung dengan persepsi dan kefahaman masyarakat bukan Islam terhadap Islam Hadhari.

LATAR BELAKANG PENDEKATAN ISLAM HADHARI

Pendekatan Islam Hadhari dinyatakan pertama kalinya oleh mantan Perdana Menteri, Datuk Seri (kini Tun) Abdullah Ahmad Badawi ketika Perhimpunan Agung UMNO ke 55 pada September 2004. Tujuan Islam Hadhari diperkenalkan adalah sebagai satu pendekatan untuk membangunkan ummah dan negara berdasarkan kerangka ketamadunan Islam dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh mengikut acuan sendiri. Umum mengetahui bahawa aset terbesar untuk sesebuah negara adalah rakyatnya yang merupakan sumber modal insan. Melalui pendekatan Islam Hadhari diharap agar rakyat dapat memacu pembangunan negara selaras dengan visi dan misinya dengan memahami pendekatan yang ingin di ketengahkan.

Bagi merealisasikan pendekatan Islam Hadhari, pelbagai program penjelasan pendekatan Islam Hadhari kepada masyarakat telah pun dilaksanakan pada tahun 2004 dan 2005. Kajian yang dibuat oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia pada tahun 2007 terhadap masyarakat awam dan mendapati pada umumnya 84 peratus masyarakat memahami dan menerima pendekatan Islam Hadhari (Wan Mohamad 2008). Pelaksanaan pendekatan Islam Hadhari melibatkan pelbagai agensi di peringkat persekutuan dan negeri (Mustapha 2007). Tumpuan awal pendekatan Islam Hadhari adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman mengenai prinsip-prinsip kepada seluruh lapisan masyarakat. Sepuluh prinsip Islam Hadhari yang digariskan adalah seperti Keimanan dan ketakwaan kepada Ilahi, Kerajaan adil dan beramanah, Rakyat berjiwa merdeka, Penguasaan ilmu pengetahuan, Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif, Kehidupan berkualiti, Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita, Keutuhan budaya dan moral, Pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi dan Kekuatan pertahanan dan perpaduan.

Sepuluh prinsip pendekatan Islam Hadhari telah digariskan dengan teliti mengikut aturan yang disediakan supaya pelaksanaannya tidak menimbulkan salah faham kepada mana-mana pihak dalam sebuah negara yang majmuk. Namun begitu, pendekatan ini diterima oleh rakyat Malaysia dalam reaksi yang pelbagai. Ada dalam kalangan masyarakat yang dapat menerima dan tidak kurang juga yang menolak. Di peringkat akademik, perbincangan berkenaan pendekatan ini telah acap kali diadakan. Namun kalangan rakyat, masih ramai yang tidak jelas apatah lagi sebagai sebuah negara yang mempunyai komposisi kaum yang pelbagai. Adalah wajar pendekatan Islam Hadhari diperkenalkan dengan cara yang hikmah agar tidak menyentuh sensitiviti rakyat. Maka adalah sangat penting untuk mengetahui apakah persepsi dan kefahaman masyarakat terutamanya kepada bukan Islam di Malaysia terhadap pendekatan ini. Dengan adanya pengetahuan ini, ia dapat membantu untuk merealisasikan 10 prinsip yang terkandung dalam Islam Hadhari. Pendekatan Islam Hadhari menekankan kepada nilai-nilai pembangunan sejagat dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia.

Melalui prinsip pertama (Keimanan dan ketakwaan kepada Ilahi), ciri dan nilai yang ingin diterapkan ialah keimanan yang teguh dan ketakwaan yang menyeluruh dalam kalangan masyarakat Islam. Manakala bagi masyarakat majmuk yang lain, digalakkan untuk mengamalkan nilai-nilai murni dan dapat membentuk masyarakat yang beragama sejajar dengan prinsip pertama Rukun Negara (Ab. Syukor 2006). Prinsip kedua pula (Kerajaan adil dan beramanah) menonjolkan ciri dan nilai pentadbiran yang adil bagi semua rakyat dengan

meletakkan amalan tadbir urus yang baik serta beramanah kepada semua lapisan masyarakat (Ab. Aziz 2006a). Prinsip ketiga (Rakyat berjiwa merdeka) menekankan ciri dan nilai kreatif dan inovatif yang dapat melahirkan idea baru yang bermanfaat kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara (Sidek 2006a). Prinsip keempat (Penguasaan ilmu pengetahuan) memberi fokus kepada ciri dan nilai terhadap pengetahuan yang pelbagai supaya dapat memperkembangkan kecemerlangan intelektual. Proses melahirkan insan seimbang dan harmoni seperti ini selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara (Sidek 2006b). Prinsip kelima (Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif) mengutamakan usaha memantapkan pembangunan ekonomi yang seimbang dengan melaksanakan amalan ekonomi yang berkesan (Nik Mustapha 2006). Ini secara tidak langsung dapat mengelakkan pembaziran dan mengutamakan golongan kurang berkemampuan. Prinsip keenam (Kehidupan berkualiti) pula bertujuan membangunkan nilai dan ciri-ciri seperti persekitaran, keluarga, kehidupan, pemakanan dan masyarakat yang tinggi kualiti, lengkap dan sempurna (Ab. Aziz 2006b).

Sementara itu, Prinsip ketujuh (Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita) memberi fokus kepada kumpulan etnik, golongan minoriti dan kaum wanita seperti ibu tunggal yang mana hak-hak mereka dijaga dan diberi perhatian yang sewajarnya (Jawiah 2006). Prinsip kelapan (Keutuhan budaya dan moral) pula menekankan ciri dan nilai akhlak yang tinggi berteraskan ajaran agama serta menangani unsur-unsur negatif budaya luar secara berkesan (Mohd. Kamal 2006). Prinsip kesembilan (Pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi) menumpukan kepada kesedaran dan tanggungjawab manusia untuk membangunkan dan memulihara sumber alam secara efisien dan berterusan (Mohd. Yusof 2006). Prinsip terakhir (Kekuatan pertahanan dan perpaduan) pula dibangunkan untuk membina kekuatan dan ketahanan merangkumi kekuatan diri, fizikal dan spiritual melalui modal insan, memperteguh semangat patriotisme serta meningkatkan pertahanan melalui teknologi (Jamil Khir 2006).

Prinsip Islam Hadhari yang digariskan perlu difahami dan dihayati oleh semua golongan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik dan kepercayaan agama. Mohd. Kamal Hasan menyarankan agar semua prinsip perlu diterapkan dengan mengikut kaedah beragama dalam tradisi kesederhanaan dan toleransi supaya masyarakat majmuk terhindar daripada unsur-unsur kefanatikan dan ekstremisme keagamaan yang mengancam kesejahteraan rakyat berbilang kaum di Malaysia (Noorzila 2005). Menurut Sivamurugan (2005), kesemua prinsip Islam Hadhari bukan hanya diamalkan oleh masyarakat Islam tetapi merupakan penjana kepada kemuafakatan ikatan seluruh masyarakat Malaysia

untuk meneruskan gagasan ‘cemerlang, gemilang, terbilang’. Seterusnya memperlihatkan peranan dan tanggungjawab untuk memastikan generasi akan datang terus mempertahankan kemuliaan hubungan pelbagai etnik di negara ini.

Pengenalan Kajian

Kajian ini menggabungkan kedua-dua pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Kajian dijalankan bagi memperoleh data empirikal, manakala temu bual dan pemerhatian dilakukan bagi mendapatkan gambaran umum. Seramai 800 orang yang berumur dalam lingkungan 18-56 tahun telah dipilih sebagai responden. Bagi memantapkan lagi kajian dan untuk maklumat tambahan, teknik Perbincangan Kelompok Berfokus (PKB) dijalankan. Kajian ini dikuatkan lagi dengan beberapa siri temu bual individu penting. Responden yang terpilih dalam kaedah (PKB) adalah daripada persatuan agama. Manakala bagi kaedah temu bual pengkaji memilih responden dalam kalangan tokoh sejarah dan ahli politik. Responden kajian terdiri daripada kaum Cina 525 orang (65.6%), kaum India 223 orang (27.9%), Bumiputera Sabah 23 orang (2.9%) dan Bumiputera Sarawak 19 orang (2.4%). Terdapat 10 orang sahaja (1.2%) daripada lain-lain kaum seperti Orang Asli dan Sikh. Majoriti (55.8%) beragama Buddha diikuti responden beragama Hindu (23.5%). Manakala (19.3%) responden beragama Kristian dan lain-lain agama termasuk Tao dan tidak beragama (1.4%).

Responden kajian ini terdiri daripada empat kategori sektor kerajaan, sektor swasta, bekerja sendiri dan pelajar. Jumlah responden bagi setiap kategori ini dipilih mengikut nisbah yang sama rata seramai 200 orang (25%). Dari segi tahap pendidikan pula responden yang memiliki ijazah seramai 339 orang (42.4%). Bagi yang memiliki diploma/sijil seramai 333 orang (41.6%). Manakala responden yang memiliki ijazah sarjana 58 orang (7.3%) dan doktor falsafah seramai 10 orang (1.3%). Responden diperoleh secara pensampelan mudah.

Satu set borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian bagi mengukur tahap kefahaman dan mendapatkan persepsi masyarakat bukan Islam terhadap pendekatan Islam Hadhari. Pembahagian item dalam soal selidik meliputi maklumat demografi (6 item), persepsi terhadap Islam Hadhari (20 item) dan kefahaman tentang Islam Hadhari (20 item). Manakala bagi perbincangan kumpulan berfokus (PKB) dan temu bual menggunakan soalan terbuka. Instrumen kajian yang digunakan telah diuji kebolehpercayaannya dengan nilai *Cronbach* yang diperoleh adalah melebihi 0.6. (Jadual 1).

Jadual 1 Nilai *Cronbach Alfa*

Persepsi Dan Kefahaman	N	alfa
Persepsi	20	0.780
Kefahaman	20	0.929

Data survei dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi. Statistik kekerapan dan deskriptif digunakan untuk mengenal pasti taburan data mengenai persepsi responden dan mengukur tahap kefahaman masyarakat bukan Islam tentang 10 prinsip Islam Hadhari. Manakala statistik inferensi seperti Kolerasi *Pearson* digunakan untuk mengenal sejauh mana hubungan antara aspek demografi, persepsi dan kefahaman responden. Penganalisan data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 13.0. Sementara itu, data daripada perbincangan berfokus secara kelompok (PKB) dan kaedah temu bual mengenai pendapat berkaitan dengan kaedah, cabaran dan cadangan digunakan bagi memperkukuhkan dapatan survei.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Maklumat tentang demografi responden ditunjukkan dalam Jadual 2. Kajian ini melibatkan 800 orang responden merangkumi seramai 400 orang responden lelaki dan 400 orang responden perempuan. Seramai 49.8 % adalah responden yang berumur antara 18 hingga 26 tahun berbanding dengan 25.8 % yang berumur 27 hingga 36 tahun. Dari segi agama menunjukkan 55.8 % responden beragama Buddha, 23.5 Hindu dan 19.3 % beragama Kristian. Dari segi kaum pula seramai 65.6 % Cina, 27.9 % India dan selebihnya Bumiputera Sabah dan Sarawak . Dari segi pendidikan pula menunjukkan 41.6 % berkelulusan sijil /diploma, 42.4 % memiliki Ijazah, 7.3 % memiliki kelulusan sarjana dan 1.3 % doktor falsafah. Kedudukan demografi responden secara keseluruhannya seperti berikut:-

Jadual 2 Demografi Responden

Latar Belakang	n	%
<i>Jantina</i>		
Lelaki	400	50
Perempuan	400	50
<i>Umur</i>		
18 hingga 26 tahun	398	49.8

...sambungan

27 hingga 36 tahun	207	25.8
37 hingga 46 tahun	109	13.6
47 hingga 56 tahun	86	10.8
<i>Agama</i>		
Buddha	446	55.8
Hindu	188	23.5
Kristian	154	19.3
Lain-lain	12	1.4
<i>Kaum</i>		
Cina	525	65.6
India	223	27.9
Bumiputera Sabah	23	2.9
Bumiputera Sarawak	19	2.4
Lain-lain	1.2	10
<i>Pekerjaan</i>		
Kerajaan	200	25
Swasta	200	25
Kerja sendiri	200	25
Pelajar	200	25
<i>Pendidikan</i>		
Sijil/Diploma	333	41.6
Ijazah	339	42.4
Sarjana	58	7.3
Ph.D	10	1.3
Lain-lain	60	7.4

Persepsi Responden Tentang Islam Hadhari

Persepsi responden dikategorikan kepada dua bahagian iaitu persepsi positif dan persepsi negatif. Dari segi persepsi positif menunjukkan sebanyak 41.5% mengatakan rasa tidak setuju dengan pernyataan Islam Hadhari hanya sesuai untuk orang Islam sahaja. Ini bermakna masyarakat bukan Islam tiada masalah untuk bersama-sama orang Islam menghayati pendekatan Islam Hadhari. Responden juga tidak bersetuju dengan pendapat, pendedahan tentang Islam Hadhari belum menyeluruh 56.4%. Mereka juga mengakui setiap masyarakat perlu tahu tentang Islam Hadhari (39.3%). Masyarakat juga tidak bersetuju dengan pernyataan Islam Hadhari mengelirukan dan memerlukan penjelasan (53%). Selain itu, mereka mengatakan maklumat tentang Islam Hadhari tidaklah terhad kerana sebanyak (57.3%) tidak bersetuju dengan pernyataan sumber maklumat tentang Islam Hadhari terhad. Mereka juga memberi persepsi yang positif dengan menyatakan tidak bersetuju dengan pernyataan istilah yang digunakan dalam Islam Hadhari mengelirukan (46.3%).

Sementara itu, persepsi negatif responden terhadap Islam Hadhari yang mana hampir keseluruhan menunjukkan mereka tidak mengambil tahu mengenai Islam Hadhari. Sebanyak (57.5%) mengatakan tidak tahu sama ada Islam Hadhari mendiskriminasikan masyarakat bukan Islam hanya (15.6%) mengatakan tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa pendekatan Islam Hadhari mendiskriminasikan mereka. Manakala (55.9%) mengatakan tidak tahu sama ada Islam Hadhari hanya merupakan teori dan slogan politik semata-mata.

Responden juga tidak tahu sama ada pendekatan Islam Hadhari tidak membawa apa-apa pencapaian kepada negara (55.1%). Mereka juga tidak tahu sama ada Islam Hadhari tidak menimbulkan prasangka kepada masyarakat bukan Islam sebanyak (55%), dan tidak tahu sama ada isi kandungan Islam Hadhari menarik dan sesuai untuk masyarakat majmuk (65.9%). Selain itu, responden tidak tahu sama ada Islam Hadhari boleh membawa perubahan dalam kehidupan masyarakat moden dengan jumlah peratusan (61.6%). Mereka juga tidak tahu Islam Hadhari berpotensi menjadikan Malaysia negara maju (59.9%) di samping beranggapan negatif terhadap kewajaran prinsip Islam Hadhari dipraktikkan dalam pentadbiran dengan jawapan tidak tahu sebanyak (52.6%).

Di samping itu, responden tidak tahu sama ada Islam Hadhari relevan dengan kepercayaan agama semua kaum (52.6%). Mereka turut tidak tahu adakah Islam Hadhari tidak berbeza dengan corak pentadbiran negara sebelum ini (62.9%). Sebanyak (58.2%) tidak tahu sama ada Islam Hadhari dapat membentuk masyarakat bersatu padu dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum. Responden juga tidak tahu sama ada wujud salah faham dan curiga tentang usaha kerajaan melaksanakan Islam Hadhari (57.5%). Mereka juga tidak tahu sama ada melalui penghayatan terhadap Islam Hadhari dapat membendung masalah sosial dan rasuah (55.3%) serta mereka tidak tahu adakah tindakan Malaysia memperkenalkan Islam Hadhari satu tindakan yang rasional (57.8%). Berdasarkan dapatan kajian yang diterima menggambarkan bahawa masih terdapat persepsi-persepsi negatif masyarakat bukan Islam terhadap Islam Hadhari yang perlu dikikis agar sama-sama mendapat manfaat daripada pelaksanaan Islam Hadhari.

Persepsi negatif dalam kalangan masyarakat bukan Islam berpunca daripada pelbagai sebab dan persoalan. Kekeliruan timbul berpunca daripada maklumat yang mereka peroleh tidak jelas kerana usaha untuk menyampaikan maklumat perlu berterusan (Sarjit 2006). Selain daripada itu, Wan Abdul Hamid (2005) berpendapat bahawa gagasan Islam Hadhari mesti difahami dan dihayati oleh

semua pihak. Mohd. Ridhuan (2009) mengaitkan persepsi negatif orang Cina terhadap Islam Hadhari kerana pelbagai sebab antaranya kerana salah faham dan proses sosialisasi politik perkauman yang dikaitkan dengan persepsi negatif terhadap agama Islam sendiri. Tambahan pula Islam Hadhari dipolitikkan oleh parti politik tertentu. Persepsi negatif yang wujud dalam kalangan masyarakat bukan Islam juga dikaitkan dengan tahap penerimaan yang rendah terhadap proses Islamisasi di Malaysia. Pelbagai isu yang berkaitan dengan agama sentiasa menjadi isu utama dan sensitif. Antaranya isu yang selalu dibangkitkan adalah berkaitan dengan kebebasan beragama, negara Islam, bidang kuasa mahkamah syariah, manipulasi kuasa politik orang Melayu dan sebagainya (Abdull Rahman et al. 2009).

Bagi mengikis persepsi negatif dalam kalangan masyarakat bukan Islam terhadap Islam Hadhari, usaha berterusan perlu dilakukan dengan pelbagai cara. Pertubuhan politik dan badan bukan kerajaan dalam kalangan orang bukan Islam perlu mengambil langkah proaktif dan berani dengan kerjasama badan-badan kerajaan seperti IKIM untuk menganjurkan seminar, bengkel dan wacana berkaitan dengan Islam Hadhari. Sarjit S. Gill dan Lee Yok Fee (2007) menegaskan bahawa jarang sekali kedengaran pemimpin parti politik kaum Cina dan India membahaskan tentang Islam Hadhari. Tan Sri Datuk Seri Dr. Abdul Hamid Othman, Mantan Penasihat Agama kepada Perdana Menteri ketika diwawancara oleh Suria Janib (Penolong Editor Dewan Masyarakat) bila ditanya dengan bagaimana persepsi dan penerimaan orang bukan Islam terhadap pelaksanaan Islam Hadhari, menegaskan *“bahawa hal ini tiada bersangkutan dengan agama. Islam Hadhari merupakan cara menguruskan kehidupan. Semua orang memerlukan kelangsungan hidup. Salah satu caranya adalah masyarakat diminta hidup berdikari. Kalau bincang soal agama kepada orang bukan Islam, sudah tentu akan menimbulkan kesulitan kepada mereka. Orang bukan Islam tidak perlu takut kepada Islam kerana Islam menganjurkan kebaikan dan keamanan. Ajaran Islam terlalu kurang ditumpukan terutama sekali di peringkat sekolah...”*(Suria 2005).

Kefahaman Responden Terhadap Islam Hadhari

Bagi memenuhi hasrat kerajaan untuk menjayakan pendekatan Islam Hadhari, salah satu yang perlu diambil kira adalah kefahaman masyarakat Malaysia yang bukan Islam mengenai Islam Hadhari. Ianya bertujuan mengetahui sejauh mana masyarakat bukan Islam memahami pendekatan Islam Hadhari yang telah diwar-warkan sejak tahun 2005. Berdasarkan kajian ini, menunjukkan (62.9%) responden mengetahui tentang 10 prinsip Islam Hadhari, (65%) responden

mengetahui tentang misi Islam Hadhari manakala (53.1%) responden faham tentang visi Islam Hadhari. Ini menunjukkan satu petanda yang positif dalam memupuk masyarakat bukan Islam menghayati pendekatan Islam Hadhari.

Selain itu, (74.2%) mengetahui bahawa pendekatan Islam Hadhari memberi galakan kepada kaum wanita untuk bergiat aktif dalam pelbagai bidang seperti pentadbiran dan ekonomi. Sebanyak (65.1%) responden mengetahui bahawa Islam Hadhari telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri ke-5. (62.8%) responden mengetahui tentang strategi yang dilaksanakan oleh Islam Hadhari, manakala (37.2%) masih tidak mengetahuinya. Lebih (53.6%) responden mengetahui fungsi JAKIM yang berperanan mencetak buku-buku penjelasan Islam Hadhari dalam pelbagai bahasa dan (63.5%) mengetahui JAKIM bertanggungjawab sebagai penyelarasan dalam menyampaikan maklumat Islam Hadhari. Responden (60.3%) juga mengetahui peranan IKIM sebagai agensi yang memberi maklumat tentang Islam Hadhari kepada orang bukan Islam.

Kefahaman dan penjelasan mengenai Islam Hadhari boleh dipertingkatkan lagi melalui pelbagai cara seperti taklimat, ceramah dan seminar. Berdasarkan statistik yang direkodkan sehingga 2007, seramai 2,770 peserta telah mengikuti program berkaitan yang dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang diberi tanggungjawab untuk mengadakan program berkaitan Islam Hadhari kepada masyarakat bukan Islam. Jumlah ini adalah kecil berbanding dengan masyarakat bukan Islam di Selangor dan Kuala Lumpur. Dengan ini juga menunjukkan bahawa penjelasan mengenai Islam Hadhari tidak disebar secara meluas melalui pendekatan ini dan sekali imbas ianya boleh mendedahkan kepada salah faham terhadap konsep Islam Hadhari itu sendiri.

Pendedahan mengenai Islam hadhari lebih banyak diberi tumpuan kepada masyarakat Islam sahaja namun begitu, ini tidak bermakna tiada langsung pendedahan yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk menjelaskan pendekatan Islam Hadhari kepada masyarakat bukan Islam. Program-program yang dianjurkan oleh IKIM kepada masyarakat bukan Islam untuk menjelaskan mengenai Islam Hadhari kurang mendapat sambutan berdasarkan kepada penyertaan peserta yang tidak memberangsangkan. Situasi ini menggambarkan bahawa sektor-sektor penting yang diharap dapat memberi sokongan dan komited terhadap pendekatan Islam Hadhari tidak banyak membantu pihak kerajaan. Maka pihak kerajaan perlu memikirkan dengan lebih serius bagaimana untuk menarik minat golongan ini untuk sama-sama memartabatkan gagasan Islam Hadhari.

Penggunaan perkataan 'Islam' boleh menimbulkan sedikit ketidakselesaan dalam kalangan masyarakat bukan Islam. Mereka menganggap dengan wujudnya

perkataan ‘Islam’ dalam pendekatan ini menunjukkan proses Islamisasi sedang berlaku dan ditujukan kepada mereka. Justeru timbul cadangan pihak tertentu agar penggunaan perkataan ‘Islam’ itu diganti kepada perkataan yang bersifat universal. Pendekatan ini juga menerima tamparan hebat apabila umat Islam di negara ini juga turut terkeliru sehinggakan ada di kalangan umat Islam sendiri menyatakan bahawa pendekatan ini adalah sebagai agama baru atau mazhab baru walaupun sudah diperjelaskan oleh kerajaan. Oleh itu, penerangan yang berterusan perlu dilaksanakan kerana pendekatan ini adalah satu dasar yang baik dan sesuai untuk semua rakyat Malaysia. Selain itu, maklumat yang kurang juga membantutkan usaha-usaha kerajaan untuk menerapkan pendekatan ini di kalangan rakyatnya. Maklumat terkini dan perincian pelaksanaannya perlu dihebahkan dari masa ke semasa di semua peringkat dan golongan masyarakat.

Hubungan Tahap Kefahaman Responden dengan Demografi

Berdasarkan kepada ujian Korelasi seperti di Jadual 3, hasil analisis yang diperoleh menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan di antara kefahaman responden dengan umur dan pendidikan, iaitu $r = 0.127$, $p < 0.05$ (umur) dan $r = -0.110$, $p < 0.05$ (pendidikan). Seterusnya, tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara tahap kefahaman responden dengan demografi responden iaitu, $r = -0.021$, $p > 0.05$ (agama); $r = 0.045$, $p > 0.05$ (kaum) dan $r = 0.037$, $p > 0.05$ (pekerjaan). Ini bermakna tahap kefahaman responden terhadap pendekatan Islam Hadhari tidak dipengaruhi oleh latar belakang individu kecuali bagi faktor umur dan pekerjaan.

Jadual 3 Perkaitan antara kefahaman dengan demografi responden

Korelasi	Umur	Agama	Kaum	Pekerjaan	Pendidikan
Kefahaman	0.127**	-0.021	0.045	0.037	-0.110**
		0.000	0.545	0.202	0.301

**signifikan pada aras .05

Sementara itu, hubungan kefahaman dengan persepsi masyarakat bukan Islam terhadap Islam Hadhari menunjukkan terdapatnya perkaitan yang signifikan antara kefahaman dan persepsi masyarakat bukan Islam terhadap Islam Hadhari

iaitu $r = 0.182$, $p < 0.01$. Ini bermakna semakin tinggi tahap kefahaman mereka terhadap Islam Hadhari, semakin baik persepsi mereka terhadap Islam Hadhari. Dengan itu, dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Adlina (2007) yang menyatakan bahawa semakin luas pengetahuan dan kefahaman pelajar tentang Islam Hadhari, semakin jelas persepsi dan pandangan mereka terhadap pendekatan tersebut.

Peranan Media Cetak dan Media Elektronik

Bagi melihat keberkesanan kaedah penerangan menyampaikan mesej tentang Islam Hadhari kepada masyarakat, hasil kajian mendapati sumber maklumat melalui media cetak dan media elektronik menjadi indikator tertinggi yang dijadikan sumber untuk responden mencari informasi. Berdasarkan Jadual 8, lelaki menggunakan saluran media cetak (50%) dan media elektronik (38%) lebih tinggi berbanding perempuan sebanyak (37.3%) media cetak dan (35.35) media elektronik. Selain itu, saluran ini juga banyak digunakan responden yang berumur antara 37 sehingga 46 tahun dengan peratusan (47.7%) media cetak dan (43%) media elektronik.

Responden beragama Kristian merupakan paling tinggi yang menggunakan media cetak (50.6%) manakala responden beragama Hindu paling tinggi menggunakan media elektronik sebanyak (45.7%). Dari segi kaum, menunjukkan kaum bumiputera Sabah paling tinggi menggunakan kedua-dua media sebanyak (52%) bagi media cetak dan media elektronik. Di samping itu, pelajar juga merupakan pengguna yang tinggi menggunakan media cetak (48%) manakala golongan pekerja daripada kerajaan menggunakan sebanyak (40%). Golongan responden yang memiliki Ijazah juga menggunakan media cetak (49%) dan media elektronik (39%) sebagai sumber maklumat.

Sehubungan dengan ini, JAKIM telah mengadakan pelbagai program untuk menyebarkan maklumat tentang Islam Hadhari. Pelbagai rancangan disiarkan dalam radio dan televisyen seperti rancangan dokumentari pendekatan Islam Hadhari, kapsul pendekatan Islam Hadhari, segmen Islam Hadhari dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia TV1. Begitu juga dengan program 'Perkampungan Hadhari' yang dianjurkan oleh TV9 di bawah Rangkaian Media Prima. Usaha ini sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada usaha menyebarkan maklumat mengenai Islam Hadhari kepada semua golongan masyarakat. Namun tidak dapat dipastikan sama ada masyarakat bukan Islam mengikuti pelbagai program berkaitan.

Fungsi media cetak dan elektronik dilihat boleh memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan maklumat tentang Islam Hadhari. Usaha pelbagai pihak amat perlu agar sebarang maklumat tentang Islam Hadhari boleh disampaikan kepada semua masyarakat pelbagai kaum. Persoalannya adakah maklumat ini cukup dan dapat dimanfaatkan oleh masyarakat bukan Islam. Jumlah penerbitan program perlu diperbanyakkan lagi terutama sekali penulisan dalam bahasa Cina dan Tamil memandangkan jumlah masyarakat bukan yang ramai. Rancangan radio dan televisyen juga perlu disiarkan dalam pelbagai saluran sesuai dengan khalayak penonton dan pendengar terutama sekali kepada pendengar bukan Islam.

Dalam era zaman ledakan maklumat ternyata saluran media memainkan peranan cukup penting dalam menyebarkan sebarang informasi terkini dengan kadar yang cepat, padat dan ringkas serta mudah difahami. Justeru apabila masyarakat lebih cenderung dengan penggunaan media cetak dan media elektronik maka pihak kerajaan perlu membentuk kaedah penerangan yang baru yang dapat menarik minat masyarakat untuk mengetahui konsep Islam Hadhari dengan lebih mendalam.

Cabaran Dalam Menyampaikan Maklumat Tentang Islam Hadhari

Dapatan menunjukkan terdapat beberapa cabaran yang dikemukakan responden salah satunya adalah struktur masyarakat Malaysia yang majmuk. Masyarakat Malaysia dikenali sebagai masyarakat yang berbilang kaum, bangsa dan keturunan yang mana boleh menimbulkan rasa curiga mereka kepada pelaksanaan tersebut. Cabaran untuk mendapatkan kesepakatan dalam melaksanakan pendekatan Islam Hadhari sememangnya memerlukan pengorbanan, toleransi dan kesefahaman semua kaum. Faktor kekurangan maklumat boleh menjadikan pendekatan Islam Hadhari semakin lesu. Terdapat responden mengatakan maklumat mengenai Islam Hadhari sangat terhad dan tidak nampak ia dipromosikan di mana-mana.

Di samping itu, responden juga menyatakan pelaksanaannya juga belum cukup konsisten dan sistematik. Ini bermakna masih terdapat ruang-ruang yang perlu diperbaiki dari masa ke semasa. Sikap masyarakat juga telah menjadi faktor kepada kesuraman pelaksanaan Islam Hadhari. Kebanyakan masyarakat hanya memandangkan kepada luaran mahupun fizikal sahaja tetapi tidak melihat inti pati yang terkandung di dalam pendekatan Islam Hadhari tersebut. Selain itu, mereka juga tidak menghayati apa yang cuba di sampaikan oleh pihak kerajaan akibat daripada salah faham dan curiga tentang usaha kerajaan dalam melaksanakan pendekatan Islam Hadhari.

Selain itu terdapat juga cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi oleh kerajaan dalam menjayakan Pendekatan Islam Hadhari iaitu sama ada cabaran dalaman dan luaran. Cabaran utama adalah responden berminat untuk mengetahui dengan lebih mendalam namun masih kekurangan maklumat tentang Islam Hadhari serta pendedahan yang diberikan mengenainya masih kurang meluas. Masyarakat juga memberi tindak balas yang negatif berikutan daripada kurang kesediaan mereka untuk menerima pendekatan Islam Hadhari. Namun pengkaji percaya sekiranya pendekatan ini berjaya dilakukan secara menyeluruh serta dapat mengatasi segala kepincangan yang ada dari akar umbi tidak mustahil kerajaan Malaysia dapat merealisasikan pendekatan yang berteraskan ketamadunan Islam.

Cadangan Menyampaikan Mesej dan Penerangan Tentang Islam Hadhari

Dalam usaha menyampaikan mesej dan penerangan tentang pendekatan Islam Hadhari, JAKIM sebagai agensi yang dipertanggungjawab telah melaksana pelbagai usaha. Usaha mendokumentasikan segala hasil penulisan, kajian dan kertas kerja berkaitan telah dilaksanakan. Sehingga 2005 sejumlah 480.000 naskah penerbitan buku pelbagai bahasa seperti bahasa Inggeris, Cina, Tamil, Arab diterbitkan dan diedarkan. Selain daripada itu, pelbagai modul ceramah dan kursus disediakan. Sementara itu, sepanjang tahun 2005, sebanyak 2,619 program berbentuk taklimat, ceramah dan seminar telah dilaksanakan. Selain daripada itu, melalui media masa seperti radio dan televisyen pelbagai rancangan disiarkan. Persoalannya adakah usaha ini boleh membantu menyebarkan maklumat dan mesej kepada masyarakat bukan Islam?

Berdasarkan kepada kenyataan responden yang diwawancara menyuarakan pelbagai pandangan untuk memberi penerangan mengenai pendekatan Islam Hadhari kepada masyarakat bukan Islam. Penyampaian maklumat secara meluas boleh dibuat melalui radio dan televisyen yang mana ia diselitkan dalam segmen berita semasa waktu perdana serta mengiklankan juga secara besar-besaran. Responden juga menyarankan agar sebaran maklumat tentang Islam Hadhari diperluaskan dengan menggunakan kaedah melalui media cetak, media elektronik. Sekiranya pihak-pihak tertentu mengadakan promosi bagi menentengahkan pendekatan Islam Hadhari kepada setiap peringkat usia sudah pasti masyarakat bukan Islam juga tertarik untuk mengetahui kelebihan yang ada pada pendekatan tersebut. Hakikatnya, peranan media dalam melaksanakan tugas sebagai penyalur maklumat memang tidak dapat disangkal namun agak terbatas. Sedar atau tidak, peranan manusia dilihat sebagai salah satu faktor

yang mendorong kepada kejayaan sesuatu pelaksanaan kerana media hanya membantu namun manusia yang menggerakkan dan memberikan arahan.

Selain itu, pihak berwajib boleh mengadakan program dialog khas¹¹ yang melibatkan persatuan daripada pelbagai kaum. Melalui dialog ini, pemimpin-pemimpin Melayu boleh bertindak sebagai orang tengah untuk berbahas dan berbincang dengan masyarakat bukan Islam mengenai pendekatan tersebut. Dialog dan perbincangan merupakan salah satu kaedah terbaik dalam memastikan program Pendekatan Islam Hadhari mencapai maksud (Jaffary 2009). Dalam hal ini, orang Islam sendiri harus memahami tentang Islam Hadhari agar mereka dapat memberi penerangan kepada masyarakat bukan Islam. Ini kerana kebanyakan orang Islam hanya memberi penerangan kepada orang Islam sahaja.

Responden juga menyarankan agar program-program Islam Hadhari hendaklah dijalankan melalui peringkat-peringkat tertentu seperti peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Ini selaras dengan saranan Adlina (2009) agar pendekatan Islam Hadhari juga perlu diperjelaskan kepada setiap kelompok masyarakat. Selain itu, sesuatu program yang berkaitan dengan Islam Hadhari yang dijalankan perlu dipantau dan dinilai hasil keberkesannya. Selaras dengan saranan Jaffary (2009) maka perlu kepada '*timeframe*' bagi menentukan tahap-tahap pelaksanaan dan pencapaiannya. Perlu juga diadakan kriteria pengukurannya sama ada dari sudut kefahaman, pelaksanaan, hambatan mahupun pencapaiannya.

Disebabkan masih kurang pendedahan mengenai pendekatan ini, terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan oleh beberapa responden ketika ditemu bual mengenai bagaimana cara untuk menyampaikan mesej bagi menjelaskan Pendekatan Islam Hadhari kepada masyarakat bukan Islam. Antaranya ialah menyarankan agar setiap pegawai yang dipertanggungjawabkan menjalankan program-program yang dirancang dibawa melalui peringkat-peringkat tertentu seperti peringkat kebangsaan, negeri dan seterusnya daerah. Selain itu, penghebahan melalui radio dan televisyen juga boleh dilakukan dengan cara menyelitkan pelbagai maklumat mengenai Islam Hadhari di dalam segmen berita semasa waktu perdana serta mengiklankan juga di dalam radio dan televisyen.

KESIMPULAN

Kajian ini menjelaskan bahawa masih terdapat masyarakat bukan Islam yang mempunyai persepsi negatif terhadap pendekatan Islam Hadhari. Kefahaman mereka terhadap Islam Hadhari juga adalah rendah. Hasil kajian juga

menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kefahaman dengan persepsi masyarakat bukan Islam terhadap Islam Hadhari. Data menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap kefahaman mereka terhadap Islam Hadhari semakin baik persepsi mereka. Dapatan ini ternyata memperkuat dapatan kajian terdahulu oleh Adlina (2007).

Justeru itu, JAKIM sebagai badan penyelaras perlu mengambil langkah dan usaha berterusan bersama dengan agensi lain yang dipertanggungjawabkan secara langsung untuk mengadakan aktiviti kepada masyarakat bukan Islam seperti IKIM. Adlina (2009) percaya program berkaitan Islam Hadhari seperti wacana ilmiah dan dialog antara agama dan budaya boleh mempercepatkan usaha untuk memberi kefahaman tentang pendekatan Islam Hadhari perlu diadakan dari masa ke semasa

Penggunaan teknologi terkini haruslah dipertingkatkan dalam penyampaian maklumat berkaitan dengan pendekatan Islam Hadhari. Dengan bantuan teknologi media massa dan elektronik, slogan ini cepat tersebar dan menjadi sebahagian daripada kata-kata kunci dalam kesedaran masyarakat (Wan Mohd. Nor 2009). Laman sesawang sosial juga boleh digunakan kerana ianya menarik perhatian masyarakat seperti *facebook* dan *myspace*. Halaman khas di ruangan siber boleh diperbanyakkan agar masyarakat dapat memberikan komen serta mencurahkan idea dalam pemantapan pendekatan Islam Hadhari.

Peranan serta tanggungjawab masyarakat mesti dipertingkatkan dalam mendukung hala-tuju dan pembangunan negara. Masyarakat Malaysia tanpa mengira kaum dan kepercayaan perlu diyakinkan bahawa melalui pendekatan Islam Hadhari Malaysia dapat dibentuk menjadi sebuah kerajaan yang adil dan beramanah yang menjalankan pemerintahan tanpa melihat pada keturunan, warna kulit, miskin kaya atau perbezaan agama (Abdul Latif & Nazri 2008). Semangat muafakat dan kerjasama dalam kehidupan dapat mewujudkan keamanan, keharmonian dan dapat mencapai visi dan misi Islam Hadhari dalam memacu kemajuan masyarakat di Malaysia.

RUJUKAN

- Ab. Aziz M. Zin. 2006a. *Prinsip Kedua: Kerajaan Adil dan Beramanah*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ab. Aziz M. Zin. 2006b. *Prinsip Keenam: Kehidupan Berkualiti*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

- Ab. Syukor H. 2006. *Prinsip Pertama: Keimanan dan Ketakwaan kepada Allah*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Adlina Ab. Halim. 2009. Persepsi belia pelbagai etnik terhadap pendekatan Islam Hadhari. Dlm Nobaya Ahmad, Haslinda Abdullah, Sarjit S. Gill, Abdul Halim Sidek & Dzulhilmi Dahalan. *Pembangunan Belia Abad ke 21: Isu dan Cabaran*, hlm.228-242. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Adlina Ab. Halim. 2007. Pengetahuan mahasiswa UPM terhadap prinsip Islam Hadhari: satu pengamatan awal. Seminar Kebangsaan Sains Sosial: Sains Sosial Teras Pembangunan Modal Insan. Anjuran Institut Pengajian Sains Sosial: Serdang, Selangor, 22 Februari.
- Abdul Latif Samian & Nazri Muslim. 2008. Pembelaan hak minoriti. Dlm. Mahmood Zuhdi et al. *Islam Hadhari: Pendekatan Pembangunan Peradaban*, hlm. 484-498. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Abdull Rahman Mahmood, Kamarudin Hj. Salleh, Ahmad Sunawari Long & Faudzinaim Badaruddin. 2009. Penerimaan bukan Islam terhadap proses Islamisasi di Malaysia. *Jurnal Hadhari* Bil. 2: 33-51.
- Jaffary Awang. 2009. Pendekatan Islam Hadhari ke arah memperkasakanidentiti Melayu-Muslim di Malaysia. *Jurnal Hadhari* Bil. 1: 99-116.
- Jamil Khir M. Baharom. 2006. *Prinsip Kesepuluh: Kekuatan Pertahanan*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jawiah Dakir. 2006. *Prinsip Ketujuh: Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti Dan Wanita*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd. Kamal Hassan. 2006. *Prinsip Kelapan: Keutuhan Budaya Dan Moral*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd. Ridhuan Tee Abdullah. 2009. Persepsi Orang Cina Terhadap Islam Hadhari. *Jurnal Hadhari* Bil. 1: 77-98.
- Mohd Yusof Hj. Othman. 2006. *Prinsip Kesembilan: Pemuliharaan Alam Semula jadi*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

- Mustapha A. Rahman. 2007. Pelan Strategik Pelaksanaan 5 tahun Islam Hadhari: Perancangan dan Pemantauan. Prosiding Konvensyen Islam Hadhari 2006. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Nik Mustapha N. Hassan. 2006. *Prinsip Kelima: Pembangunan Ekonomi Seimbang Dan Komprehensif*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Noorzila Jamaludin. 2005. Islam Hadhari: Pelaksanaannya perlu konsisten. *Al-Islam* 69-71.
- Sarjit S. Gill. 2006. Pemantapan Wacana Islam Hadhari, *Berita Harian*, 16 Disember: 15.
- Sarjit S. Gill & Lee Yok Fee. 2007. Islam Hadhari dan pembinaan modal insan: perspektif bukan Melayu. Prosiding Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu III, hlm. 520-526. Anjuran Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2-3 Februari.
- Sidek Baba. 2006a. *Prinsip Ketiga: Rakyat Berjiwa Merdeka*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Sidek Baba. 2006b. *Prinsip Keempat: Penguasaan Ilmu Pengetahuan*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Sivamurugan Pandian. 2005. Peranan dan tanggungjawab masyarakat bukan Islam untuk mendukung dan merealisasikan hala tuju dan pembangunan negara. Seminar Islam Hadhari: Kefahaman Mengenai Kerajaan Adil dan Beramanah. Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 24-25 Mei.
- Suria Janib. 2005. Islam Hadhari – Praktikal dan Semasa. Wawancara dengan Tan Sri Datuk Seri Dr. Abdul Hamid Othman. *Dewan Masyarakat* Mac: 24-26.
- Wan Abdul Hamid Wan Teh. 2005. Islam Hadhari: gagasan pembangunan negara. *Dewan Masyarakat* Mac: 15.
- Wan Mohamad S. Abdul Aziz. 2008. Gagasan Jakim Dalam Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari Di Malaysia. *Jurnal Hadhari Edisi Khas*: 17-28.

Wan Mohd. Nor Wan Daud. 2006. *Masyarakat Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.